



## **IKLAN BIASISWA KERAJAAN NEGERI SABAH 2023**

Kerajaan Negeri Sabah mempelawa pemohon berkelayakan untuk mengikuti pengajian di peringkat Diploma dan Sarjana Muda bagi sesi pengajian tahun 2023. Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah menaja pelajar yang telah mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan yang sedang dalam pengajian berdasarkan bidang kursus yang telah diiklankan sahaja.

Syarat utama permohonan ialah pemohon hendaklah warganegara Malaysia yang berasal dan bermastautin di Sabah dan salah seorang ibu dan bapa pemohon berasal dan dilahirkan di Sabah.

### **(A) BIDANG DAN PERINGKAT PENGAJIAN**

#### **1. Diploma di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan (IPT)**

Aktuari Sains	Perikanan
Juru Ukur	Pertanian
Kejuruteraan	Sains Tulen
Kesihatan dan Perusahaan Ternak	Seni Bina (Architecture)
Maritim	Teknologi Maklumat
Pengurusan Hartanah	Ukur Bahan
Perakaunan	

#### **2. Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tempatan (IPT)**

Aktuari Sains	Pengurusan Hartanah
Ekonomi	Perakaunan
Farmasi	Pergigian
Kejuruteraan	Perhutanan
Kesihatan dan Perusahaan Ternak	Perikanan
Keusahawanan	Pertanian

Juru Ukur	Perubatan
Perindustrian	Perubatan Veterinar
Pelancongan dan Hospitaliti	Sains Alam Sekitar
Pendidikan - Matematik	Sains Komputer
- Pengajian Islam	Seni Bina (Architecture)
- Bahasa Inggeris	Seni Kreatif
- Bahasa Cina	Ukur Bahan
Pengajian Islam	Undang-Undang
Pengurusan Ladang	

## B) KELAYAKAN PEMOHON

### 1. Had Umur

- 1.1 Bagi kursus Diploma pemohon hendaklah tidak melebihi 20 tahun.
- 1.2 Bagi kursus Sarjana Muda pemohon hendaklah tidak melebihi 25 tahun.

### 2. Kelayakan Akademik

#### 2.1 Kursus Diploma

- 2.1.1 Lulus **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dengan memperolehi sekurang-kurangnya **5A** dalam mata pelajaran termasuk **Bahasa Melayu** dan mata pelajaran yang berkaitan dengan bidang kursus yang dipohon. Lulus dengan **kepujian** dalam mata pelajaran **Bahasa Inggeris** untuk universiti yang menggunakan **Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pengantar**.

#### 2.2 Kursus Sarjana Muda

- 2.2.1 *Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)* dengan memperolehi sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.33**. Kelayakan ini haruslah diperolehi dengan hanya sekali menduduki peperiksaan atau kelayakan yang setaraf.
- 2.2.2 Sijil Tinggi Agama Malaysia (**STAM**) dengan memperolehi sekurang-kurangnya **Jayyid**.
- 2.2.3 **Diploma** dengan memperolehi sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.5**.
- 2.2.4 **Lulus Matrikulasi** dengan memperolehi sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.5**.
- 2.2.5 **Lulus Asasi/Foundation** dengan memperolehi sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.5**.

## **2.3 Perubatan, Pergigian dan Farmasi**

2.3.1 Kursus **Perubatan, Pergigian** dan **Farmasi** perlu memperolehi sekurang-kurangnya **PNGK/ CGPA 3.8** di peringkat **STPM/ Diploma/ Matrikulasi**. Tawaran Biasiswa hanya di **Institusi Pengajian Tinggi (IPT)** dalam negeri sahaja

**2.4** Pemohon yang sedang belajar di **Institusi Pengajian Tinggi Tempatan (IPT)** perlu memperolehi sekurang-kurangnya **PNGK/ CGPA 3.5 keputusan semasa** untuk meneruskan pengajian ke peringkat Diploma dan Sarjana Muda.

## **(C) CARA MEMOHON**

1. Permohonan hendaklah melalui sistem '**online**' dengan melayari laman sesawang [www.biasiswa.sabah.gov.my](http://www.biasiswa.sabah.gov.my). Pemohon perlu mendaftar **e-mel peribadi** yang aktif.

## **(D) PERHATIAN**

1. Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah hanya menaja bagi **KURSUS** yang diiklankan sahaja. Keputusan adalah muktamad.
2. Permohonan yang **tidak lengkap** atau tidak memenuhi syarat seperti yang ditetapkan **TIDAK akan dipertimbangkan**.
3. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui e-mel pelajar.
4. Kursus Matrikulasi/ Asasi/ Foundation tidak ditaja.
5. Tarikh tutup permohonan adalah pada **10 Oktober 2023**. Permohonan **selepas tarikh tersebut TIDAK akan dipertimbangkan**.

**Bahagian Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah  
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri**